

22/08/2002

CNN terpaksa ikut telunjuk di sebalik laungan bebas

KEPADA dunia - khususnya negara Dunia Ketiga - Amerika Syarikat mendabik dada kononnya ia adalah juara kebebasan media dan hak bersuara. Namun, kepada pertubuhan medianya sendiri, pelbagai tapisan dan sekatan dilaksanakan agar kepentingannya sentiasa dipertahan dan dipertingkatkan. Sebagai satu-satunya kuasa besar dunia yang tinggal, Amerika sewenang-wenangnya mengamalkan 'dasar memilih bulu' dengan membeza-bezakan rakan dan seteru. Namun, negara yang dianggap rakan juga tiada jaminan akan selama-lamanya demikian sambil negara seteru akan terus diperburukkan. Benarlah satu kesimpulan sebagaimana yang pernah dibuat Fox News bahawa pada penilaian Washington, media yang bebas dan bertanggungjawab adalah yang tidak dipergunakan oleh pihak lain yang mahu menghancurkan Amerika dan membahayakan rakyat Amerika. Tetapi pada masa sama, tiada langsung rasa segan di pihak Amerika memperalatkan pertubuhan medianya untuk menghancurkan mana-mana negara yang tidak disenanginya.

Pendedahan Naib Presiden Eksekutif dan Pengurus Besar Cable News Network (CNN), Rena Golden, kelmarin sekadar menyerlahkan lagi hakikat itu. Pertubuhan berita Amerika memang melakukan tapisan terhadap butir-butir liputan kempen serangan tentera Amerika terhadap al-Qaeda dan rejim Taliban di Afghanistan supaya sehaluan dengan pandangan umum berikutan peristiwa 11 September. Ringkasnya, apa yang menjadi tontonan daripada media berat sebelah ini ialah apa saja yang Amerika mahu mereka ketahui - bukannya perkara sebenar kerana kebanyakan yang dilaporkan adalah berlawanan atau digembar-gemburkan berbanding apa yang sebenarnya berlaku. Oktober lalu, misalnya, Rumah Putih mengarahkan agar medianya, terutama rangkaian televisyen satelitnya, iaitu CNN, CBS, ABC, Fox News dan NBC, agar lebih berhati-hati apabila menyiarkan berita mengenai Osama bin Laden dan puak Taliban. Puncanya, Washington tidak senang dengan apa yang dilakukan stesen televisyen satelit Qatar, Al-Jazeera, menyiarkan wawancara dengan pemimpin al-Qaeda itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah antara pemimpin yang lantang mengkritik CNN dan media Barat atas apa yang disifatkan Perdana Menteri sebagai ketidakadilan kepada negara kecil. Pada ketika Malaysia adalah antara negara yang tidak mengenakan sebarang sekatan terhadap media seperti ini, adalah sesuatu yang malang kerana CNN dan pesaing yang sealiran dengannya jarang sekali melaporkan sesuatu yang baik mengenai negara ini. Daripada satu demonstrasi jalanan yang disiarkan berulang-ulang seolah-olah Malaysia mengalami ketidakstabilan hinggalah mempersendakan langkah kerajaan memulihkan ekonomi negara menerusi kawalan modal berpilih, CNN sentiasa memilih untuk menonjolkan Malaysia dari sudut pandangan negatif. Sesudah sekian lama menyindir Dr Mahathir sebagai pemimpin yang paling lama memegang jawatan, pengumuman Perdana Menteri untuk berundur selepas Oktober 2003 pula digambarkan CNN akan menimbulkan keadaan tidak menentu buat Malaysia. Sebaliknya, pemimpin yang pro-Amerika sentiasa mendapat liputan meluas.

Kredibiliti media raksasa seperti CNN memang dari dulu lagi menimbulkan kesangsian. Kelantangan dan keterbukaan sebagaimana yang sering dilaung-laungkannya sebenarnya penuh bermuslihat sedangkan ia sendiri tidak pernah bebas daripada mengikut telunjuk tangan-tangan tersembunyi yang memiliki agenda sendiri. Kononnya kebebasan rangkaian televisyen satelit Amerika tidak tergugat, kononnya mereka bersikap objektif dalam membuat liputan tetapi hakikatnya mereka jelas memihak kepada kerajaan apabila kepentingan

Amerika disentuh. Kalau pun kebebasan masih dimiliki, ia hanyalah untuk membuat sebarang andaian atau memutarbelitkan fakta apabila ia membabitkan negara Dunia Ketiga, khususnya negara yang tidak disenangi Amerika. Ulasan dan liputan mereka sering membuat tohmahan dan memesongkan pandangan rakyat Amerika tanpa memperhitungkan kepentingan sejagat. Media seperti ini seharusnya berasa malu untuk mendakwa ia bebas, apatah lagi untuk melaungkan kedudukan selaku pemimpin dunia dalam penyebaran berita.